

Hak cipta © JPK 2017



Department of Skills Development (DSD)
Federal Government Administrative Centre
62530 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
Aras 6, 9-18, No 55
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA, MALAYSIA

STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN

**PENJAGAAN DAN KEMAJUAN KANAK-KANAK
TAHAP 3**

***CHILDREN CARE AND PROGRESS
LEVEL 3***

Hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh dihasilkan, disimpan di dalam pangkalan data, sistem carian, atau dalam apa-apa bentuk dengan sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

KANDUNGAN

Singkatan.....	i
Glosari.....	ii
Penghargaan.....	iii
PRAKTIS STANDARD.....	1
1. Pengenalan.....	2
1.1. Latarbelakang Pekerjaan.....	4
1.2. Rasional Pembangunan NOSS.....	4
1.3. Rasional Struktur Pekerjaan dan Struktur Bidang Pekerjaan.....	5
1.4. Keperluan Badan Kawal Selia/ Berkanun Berkaitan Pekerjaan.....	6
1.5. Pra-syarat Pekerjaan.....	6
2. Struktur Pekerjaan (OS).....	7
3. Struktur Bidang Pekerjaan (OAS).....	7
4. Definisi Tahap Kompetensi.....	8
5. Penganugerahan Sijil.....	9
6. Kompetensi Pekerjaan.....	9
7. Kondisi Kerja.....	9
8. Prospek Pekerjaan.....	10
9. Peluang Peningkatan Kemahiran.....	11
10. Organisasi Rujukan Bagi Sumber Maklumat Tambahan.....	12
11. Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard.....	14
12. Jawatankuasa Pembangunan Standard.....	15
KANDUNGAN STANDARD.....	16
13. Carta Profil Kompetensi (CPC).....	17
14. Profil Kompetensi (CP).....	18
KURIKULUM UNIT KOMPETENSI.....	41
15. Kurikulum Unit Kompetensi.....	42
15.1. Pendidikan Dan Kemajuan Kanak-Kanak.....	42
15.2. Penerapan Nilai Sosial Dan Tingkah Laku Kanak-Kanak.....	63
15.3. Sokongan Pengoperasian Pusat Jagaan Kanak-Kanak.....	73
15.4. Pengendalian Pertolongan Cemas (Pusat Jagaan Kanak-Kanak).....	92
15.5. Jagaan Dan Rutin Harian Kanak-Kanak Pusat Jagaan Harian.....	100

15.6. Jagaan Dan Rutin Harian Kanak-Kanak Pusat Jagaan Berkediaman	112
16. Mod Penyampaian	127
17. Perkakasan, Peralatan dan Bahan (TEM)	128
18. Ringkasan Tempoh Latihan	133

Singkatan

1. ABM	Alat Bantu Mengajar
2. AED	<i>Automated External Defibrillator</i>
3. CP	Profil Kompetensi
4. CPC	Carta Profil Kompetensi
5. CPR	<i>Cardio Pulmonary Resuscitation</i>
6. ECCD	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak / <i>Early Childhood Care & Development</i>
7. JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
8. JPS	Jawatankuasa Pembangunan Standard
9. JTPS	Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard
10. JTS	Jawatankuasa Teknikal Standard
11. MPKK	Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan
12. NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara
13. NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
14. OAS	Struktur Bidang Pekerjaan
15. OKU	Orang Kelainan Upaya
16. OS	Struktur Pekerjaan
17. RICE	<i>Rest, Ice, Compression, and Elevation</i>
18. RPA	Rancangan Pelaksanaan Aktiviti
19. SKPK	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
20. SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
21. TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak
22. TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-Kanak
23. TEM	Perkakasan, Peralatan dan Bahan

Glosari

1. Pusat Jagaan Harian / <i>Day Care Centre</i>	Mana-mana premis di mana empat orang atau lebih diterima untuk jagaan selama suatu tempoh berterusan yang melebihi tiga jam sehari antara matahari terbit hingga matahari terbenam, dan selama sekurang-kurangnya tiga hari seminggu, sama ada untuk upah atau selainnya.
2. Pusat Jagaan Berkediaman / <i>Residential Care Centre</i>	Mana-mana premis di mana empat orang atau lebih diterima untuk jagaan sebagai penghuni di dalamnya, sama ada untuk upah atau selainnya.
3. Kanak-kanak	Seseorang yang di bawah umur 18 tahun yang memerlukan jagaan, pemeliharaan, perlindungan dan pemuliharaan mengikut takrifan Akta Kanak-kanak 2001.
4. Surat <i>Fit to Travel</i>	Dokumen ini dikeluarkan oleh pegawai perubatan bertauliah bagi mengesahkan tahap kesihatan seseorang itu adalah layak dan selamat untuk sesuatu perjalanan.

Penghargaan

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran berhasrat memberi penghargaan kepada organisasi dan individu berkaitan yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung kepada pembangunan Standard ini.

- i. Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK)
- ii. Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS)
- iii. Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard (JTPS)
- iv. Jawatankuasa Pembangunan Standard (JPS)
- v. Fasilitator
- vi. Urusetia
- vii. Organisasi Berkaitan

PRAKTIS STANDARD
STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK) UNTUK:
PENJAGAAN DAN KEMAJUAN KANAK-KANAK
TAHAP 3

1. Pengenalan

Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan menekankan perkembangan yang holistik untuk semua kanak-kanak dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Elemen-elemen ini menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Pembangunan modal insan perlu perlu holistik, yang merangkumi usaha menimba ilmu pengetahuan dan kemahiran teras selain menyemai sikap progresif, positif dan beretika melalui pelajaran, latihan dan pembelajaran seumur hidup. Atas kepentingan itu, semua ibu bapa dan guru harus menyedari akan pentingnya keperluan kanak-kanak dalam pendidikan awal mereka semasa peringkat prasekolah.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga tahun 2015, dicatatkan pusat jagaan yang berdaftar adalah sebanyak 1,473. Jumlah ini termasuk pusat jagaan untuk kanak-kanak, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas. Jumlah penjaga / *guardian* bagi kanak-kanak adalah seramai 4,200 orang diseluruh negara. Jumlah kanak-kanak yang mengikut program pusat jagaan adalah seramai 28,267 orang. Pecahan angka dan butiran lanjut statistik tersebut boleh dirujuk di dalam Jadual 1.

Negeri / State	Pendaftaran (diluluskan) / Registration (approved)	Kategori / Category		Kategori Pusat Jagaan Category of Daycare					Bil. Penjaga / No. of Guardian		Bil. Penghuni / No. of Residents		
		NGO / NGO	Swasta / Private	Harian / Daycare	Kediaman / Residence	Kanak-Kanak / Children	OKU / PWD's	Orang Tua / Senior Citizen	Kanak-Kanak / Children	OKU / PWD's	Orang Tua / Senior Citizen		
Johor	167	38	129	95	72	389	167	198	2,908	1,133	853		
Kedah	104	36	68	60	44	254	32	41	2,156	376	139		
Kelantan	7	2	5	4	3	46	-	-	369	-	-		
Melaka	70	19	51	37	33	187	46	79	1,154	195	339		
Negeri Sembilan	94	29	65	52	42	227	60	81	1,452	287	303		
Pahang	61	19	45	46	18	165	19	35	1,224	92	233		
Perak	254	115	140	114	141	413	319	216	3,730	1,941	1,440		
Perlis	11	6	5	2	9	17	6	2	204	16	34		
Pulau Pinang	91	25	66	61	30	323	63	111	2,184	304	772		
Sabah	7	10	16	17	9	-	-	2	91	-	85		
Sarawak	27	1	6	6	1	65	80	32	383	453	92		
Selangor	471	125	346	294	177	1,804	249	366	9,858	985	1,273		
Terengganu	13	10	3	5	8	51	4	18	426	16	232		
WP Kuala Lumpur	95	19	73	66	26	259	124	109	2,128	471	539		
WP Labuan	1	-	1	1	-	-	3	-	-	13	-		
Jumlah / Total	1,473	454	1,019	860	613	4,200	1,172	1,290	28,267	6,282	6,334		
	1,473	1,473		1,473		6,662			40,883				

Jadual 1: Bilangan pusat jagaan berdaftar, bilangan penjaga dan bilangan penghuni mengikut negeri dan kategori tahun 2015 (Sumber: Laporan Statistik JKM 2015)

Permintaan yang tinggi kepada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak telah merancakkan pertumbuhan industri ini. Pusat jagaan agensi-agensi kerajaan tidak dapat menampung jumlah permintaan yang tinggi dan memerlukan peranan pihak swasta dalam menyediakan perkhidmatan tersebut. Pusat jagaan / Tadika swasta telah mencatat jumlah enrolmen yang tertinggi pada tahun 2013 dan 2014. Jumlah enrolmen kanak-kanak dipusat jagaan boleh dirujuk dalam Jadual 2.

	2013			2014		
	Lelaki Male	Perempuan Female	Jumlah Total	Lelaki Male	Perempuan Female	Jumlah Total
Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Malaysia Islamic Youth Movement	5,283	4,708	9,991			10,228
Jabatan Agama Islam Negeri State Religious Department	14,154	13,844	27,998	15,546	15,246	30,792
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Community Development Department	108,026	106,427	214,453	109,763	107,817	217,580
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Department of National Unity and Integration	21,696	21,627	43,323	19,554	19,531	39,085
Tadika Swasta Private Kindergartens	158,554	152,574	311,128	162,059	154,808	316,867
Jumlah Total	307,713	299,180	606,893	306,922	297,402	614,552

Jadual 2: Enrolmen di Tadika Swasta, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Malaysia, 2013 - 2014 (Sumber: Laporan Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia 2015)

Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh kepada 55 peratus pada tahun 2015. Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa kadar guna tenaga atau penglibatan wanita dalam pekerjaan adalah meningkat pada setiap tahun. Kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan telah menunjukkan peningkatan daripada 45.7% pada 2008 kepada 54.1% pada 2015.

Perkembangan ini memberikan kesan langsung kepada permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan kanak-kanak kerana golongan ibu yang bekerja perlu mengimbangi tanggungjawab bekerja dan menjaga anak-anak. Keadaan ini adalah pemangkin kepada pertumbuhan industri perkhidmatan penjagaan kanak-kanak. Salah satu aspek penting dalam kualiti penyampaian perkhidmatan adalah tenaga kerja yang kompeten. Justeru, bagi memastikan kualiti perkhidmatan terjamin, standard pekerjaan bagi bidang ini perlu digubal bagi memenuhi keperluan semasa pendidikan prasekolah.

Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) menyatakan bahawa kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun memerlukan penjagaan, perlindungan dan pemulihan. Terdapat dua (2) kategori kumpulan sasaran dalam takrifan penjagaan kanak-kanak:

- i. Umur 0 – 4 tahun – Pusat Asuhan Kanak-Kanak (juga dikenali sebagai TASKA)
- ii. Umur 4 – 18 tahun – Pusat Penjagaan Kanak-Kanak

Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506) mentakrifkan pusat jagaan adalah premis yang menyediakan perlindungan, penyeliaan, pemulihan dan latihan kepada kumpulan sasaran atau penghuni. Kumpulan sasaran dalam operasi pusat jagaan adalah, kanak-kanak, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU). Terdapat dua (2) jenis pusat jagaan:

- i. **Pusat Jagaan Harian / *Day Care Centre*** – Mana-mana premis di mana empat orang atau lebih diterima untuk jagaan selama suatu tempoh berterusan yang melebihi tiga jam sehari antara matahari terbit hingga matahari terbenam, dan selama sekurang-kurangnya tiga hari seminggu, sama ada untuk upah atau selainnya.
- ii. **Pusat Jagaan Berkediaman / *Residential Care Centre*** – Mana-mana premis di mana empat orang atau lebih diterima untuk jagaan sebagai penghuni di dalamnya, sama ada untuk upah atau selainnya.

1.1. Latarbelakang Pekerjaan

Penjaga Kanak-Kanak berfungsi sebagai pelaksana tugas dan tanggungjawab penjagaan kanak-kanak, sama ada di pusat jagaan harian atau berkediaman. Pekerjaan ini pada resamnya adalah pekerjaan bagi kaum wanita; walaubagaimanapun, dengan perkembangan semasa, kaum lelaki juga sudah mula melibatkan diri dalam sektor pekerjaan ini.

Penjaga Kanak-Kanak secara umumnya bertanggungjawab melakukan kerja penjagaan dan rutin harian kanak-kanak. Mereka juga perlu melakukan aktiviti pelbagai tugas lain termasuklah mengendali, menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti bimbingan dan pendidikan mengikut tahap umur kanak-kanak di bawah seliaan mereka. Mereka perlu sentiasa peka dan berwaspada dengan keadaan sekeliling pusat jagaan terutamanya aspek keselamatan, kebersihan dan kesihatan.

Penjaga Kanak-Kanak perlu mahir dalam menjaga hubungan dengan ibu bapa / penjaga / waris kanak-kanak melalui komunikasi dua hala supaya tanggungjawab penjagaan dan kemajuan kanak-kanak dapat dilakukan secara bersama dan berkesan.

1.2. Rasional Pembangunan NOSS

NOSS yang terdahulu dibangunkan pada tahun 2013 dengan kod CC-010-3-2014. NOSS ini dikaji semula bagi memenuhi keperluan format terkini dan keperluan Kurikulum PERMATA Negara. Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak (2008) menerangkan dengan jelas kepentingan supaya pedagogi pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang diterapkan dalam Kurikulum PERMATA Negara diteruskan dalam penjagaan dan kemajuan bagi kanak-kanak berumur 4-6 tahun supaya objektif-objektif Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak tersebut dapat dicapai.

1.3. Rasional Struktur Pekerjaan dan Struktur Bidang Pekerjaan

Struktur Pekerjaan bidang Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak dibahagikan kepada tiga (3) sub bidang iaitu Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, Pusat Penjagaan Kanak-Kanak, dan Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak. NOSS ini hanya memberikan tumpuan kepada pekerjaan di sub bidang Pusat Penjagaan Kanak-Kanak. Laluan kerjaya dalam bidang ini adalah jelas dengan perjawatan bermula dari Tahap 2 sehingga Tahap 5. Bidang kerja ini tiada Tahap 1 kerana tanggungjawab penjagaan kanak-kanak bukanlah lazim dan boleh dijangka. Pekerjaan ini memerlukan seseorang yang mahir dan boleh membuat keputusan secara segera bagi memastikan kebajikan dan keselamatan kanak-kanak sentiasa terjamin.

Struktur Bidang Pekerjaan bidang ini bermula pada Tahap 3 dimana kompetensi Tahap 2 dirangkum pada Tahap 3. Keputusan ini dibuat berdasarkan hasil analisis pekerjaan mendapati skop kerja kedua-dua tahap ini adalah sama dan tugas mereka adalah saling melengkapi dalam menyempurnakan sesuatu kerja. Akta Pusat Jagaan 1993 juga menyatakan hanya personel yang berjawatan Penjaga Kanak-Kanak (Tahap 3) sahaja dibenarkan untuk menjaga, memelihara, memberikan perlindungan dan pendidikan kepada kanak-kanak di bawah jagaan mereka. Jawatan Pembantu Penjaga Kanak-Kanak (Tahap 2) adalah jawatan permulaan di pusat jagaan kanak-kanak yang mana personel pada tahap ini mempunyai kelayakan yang sama dengan Penjaga Kanak-Kanak (Tahap 3). Jawatan Penjaga Kanak-Kanak (Tahap 3) adalah berdasarkan kekananan (*seniority*) pekerja di pusat jagaan kanak-kanak.

1.4. Keperluan Badan Kawal Selia/ Berkanun Berkaitan Pekerjaan

Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah badan kerajaan yang mengawal selia industri perkhidmatan penjagaan kanak-kanak melalui pendaftaran, pentauliahan dan penguatkuasaan pusat jagaan di Malaysia.

Akta-akta dan peraturan-peraturan berkaitan dengan sektor perkhidmatan penjagaan kanak-kanak adalah seperti berikut:

i. Akta

- Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)
- Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)
- Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308)
- Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253)
- Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257)
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1998 (Akta 342)
- Akta Anti Pmerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670)

ii. Peraturan

- Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat) 2007
- Peraturan-Peraturan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (Prosedur & Amalan) 1995
- Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012
- Peraturan Pusat Jagaan 1994

1.5. Pra-syarat Pekerjaan

Keperluan minima bagi mereka yang berminat untuk berkerjaya dalam bidang ini adalah seperti berikut:

- Warganegara Malaysia;
- Berumur lapan belas tahun dan ke atas; dan
- Penjaga yang menjaga kanak-kanak bawah 4 tahun di pusat jagaan perlu lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA.

2. Struktur Pekerjaan (OS)

Seksyen	(Q) AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN DAN KERJA SOSIAL		
Kumpulan	(8710) KEMUDAHAN RUMAH PENJAGAAN		
Bidang	Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak		
	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	Pusat Jagaan Kanak-Kanak	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCD)
Tahap 5	Pengurus Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	Pengendali / Pengurus Pusat Jagaan Kanak-Kanak	Pengusaha / Pengurus ECCD
Tahap 4	Penolong Pengurus Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	Penolong Pengurus Pusat Jagaan Kanak-Kanak	Penolong Pengurus ECCD
Tahap 3	Penyelia Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	Penjaga Kanak-Kanak	Pendidik ECCD
Tahap 2	Penyelaras Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	Pembantu Penjaga Kanak-Kanak	Pembantu ECCD
Tahap 1	Tiada Tahap	Tiada Tahap	Tiada Tahap

Rajah 1: Struktur Pekerjaan

3. Struktur Bidang Pekerjaan (OAS)

Seksyen	(Q) AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN DAN KERJA SOSIAL		
Kumpulan	(8710) KEMUDAHAN RUMAH PENJAGAAN		
Bidang	Perkhidmatan Penjagaan Kanak-Kanak		
	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	Pusat Jagaan Kanak-Kanak	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCD)
Tahap 5	Pengurusan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	Pengurusan Jagaan dan Kemajuan Kanak-Kanak	Pengurusan Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Tahap 4	Penyeliaan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	Penyeliaan Jagaan dan Kemajuan Kanak-Kanak	Penyeliaan Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Tahap 3	Operasi Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	Penjagaan dan Kemajuan Kanak-Kanak	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
Tahap 2	Operasi Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	Terangkum di Tahap 3	Terangkum di Tahap 3
Tahap 1	Tiada Tahap	Tiada Tahap	Tiada Tahap

Rajah 2: Struktur Bidang Pekerjaan

4. Definisi Tahap Kompetensi

SKPK dibangunkan untuk pelbagai bidang pekerjaan. Berikut adalah garis panduan setiap SKPK sebagaimana yang ditakrifkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

- Tahap 1: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja, sebahagian besarnya adalah lazim dilakukan dan boleh dijangka.
- Tahap 2: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja di dalam pelbagai konteks, sebahagiannya adalah tidak lazim dilakukan serta memerlukan tanggungjawab dan autonomi diri.
- Tahap 3: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja di dalam pelbagai konteks, kebanyakannya adalah kompleks dan tidak lazim dilakukan. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, di samping mengawal dan memberi panduan kepada yang lain.
- Tahap 4: Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja teknikal dan profesional yang luas skop dan konteksnya. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, di samping lazim bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber.
- Tahap 5: Terampil menggunakan pelbagai prinsip asas dan teknik yang kompleks, serta selalu tidak dijangka. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang sangat tinggi, serta bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber. Bertanggung-jawab juga terhadap analisis, diagnosis, reka bentuk, perancangan, pengendalian dan penilaian..

5. Penganugerahan Sijil

Ketua Pengarah boleh menganugerahkan, kepada mana- mana orang apabila menepati Standard dengan kelayakan kemahiran dibawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) seperti berikut:

- Sijil Kemahiran Malaysia
- Diploma Kemahiran Malaysia
- Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
- Penyata Pencapaian

6. Kompetensi Pekerjaan

Personel yang terampil dalam Penjagaan Dan Kemajuan Kanak-Kanak Tahap 3 adalah kompeten dalam melakukan kompetensi teras berikut:

- a. Pendidikan dan Kemajuan Kanak-Kanak
- b. Penerapan Nilai Sosial dan Tingkah Laku Kanak-Kanak
- c. Sokongan Pengoperasian Pusat Jagaan Kanak-Kanak
- d. Pengendalian Pertolongan Cemas (Pusat Jagaan Kanak-Kanak)*

Terdapat dua jenis pengoperasian pusat jagaan kanak-kanak; (1) Pusat Jagaan Harian; dan (2) Pusat Jagaan Berkediaman. Secara umumnya, kompetensi pekerja untuk kedua-dua jenis pusat jagaan ini adalah sama. Unit Kompetensi “Jagaan dan Rutin Harian Kanak-Kanak” mempunyai perbezaan dalam aspek prosedur dan proses kerja untuk penerimaan dan penyerahan kanak-kanak. Bagi tujuan pelaksanaan, adalah praktikal untuk mengasingkan unit kompetensi ini mengikut jenis pengoperasian pusat jagaan. Unit Kompetensi ini ditawarkan sebagai **Elektif Wajib**. Pekerja atau Perantis **wajib memilih satu (1)** unit kompetensi ini berdasarkan keperluan operasi pusat jagaan atau rancangan kerjaya pekerja dan perantis.

Unit Kompetensi Elektif Wajib yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- a. Jagaan dan Rutin Harian Kanak-Kanak Pusat Jagaan Harian
- b. Jagaan dan Rutin Harian Kanak-Kanak Pusat Jagaan Berkediaman

*Unit kompetensi ini melibatkan prosedur bantuan awal kecemasan dan *Cardio Pulmonary Resuscitation (CPR)*. Pekerja/perantis wajib menghadiri kursus latihan teori dan amali pertolongan cemas yang dikendalikan oleh penyedia latihan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

7. Kondisi Kerja

Suasana pekerjaan dalam sektor ini adalah bersifat domestik yang mana aktiviti kerjanya adalah berkisar dengan penjagaan dan kemajuan kanak-kanak. Suasana tempat kerja adalah

kondusif dan selamat kerana pembelajaran dan kemajuan kanak-kanak memerlukan tempat yang sedemikian.

Personel dalam sektor ini perlu mempunyai naluri keibubapaan yang tinggi tanpa mengira batas agama dan bangsa. Sejajar dengan perkembangan semasa dan gaya hidup masyarakat yang semakin maju, Penjaga Kanak-Kanak perlu mempunyai daya kreatif dan inovatif dalam mengendali kanak-kanak dan ibu bapa / waris / penjaga. Mereka perlu memahami konsep kemajuan kanak-kanak dan aspirasi negara dalam melahirkan modal insan yang holistik, seimbang dari segi rohani dan jasmani.

Personel dalam bidang ini perlu menjalin kerjasama erat dengan ibu bapa / waris / penjaga supaya kesinambungan pembelajaran dapat diteruskan dirumah. Mereka perlu mahir dalam komunikasi secara lisan dan bertulis supaya kemajuan kanak-kanak dapat disampaikan dengan jelas melalui laporan kepada pihak berkepentingan.

8. Prospek Pekerjaan

Bagi menilai prospek pekerjaan bidang ini, statistik berkaitan perlu diteliti bagi menentukan keadaan perkembangan industri penjagaan kanak-kanak dan peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Laporan Perangkaan Penting 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia memberikan statistik berikut:

Kelahiran Hidup

Jumlah kelahiran hidup yang dicatatkan pada 2015 adalah 521,136 dengan penurunan sebanyak 1.4 peratus berbanding 2014 (528,612). Kadar kelahiran kasar mencatatkan penurunan daripada 17.2 (2014) kepada 16.7 (2015) bagi setiap 1,000 penduduk.

Kadar Kesuburan Jumlah

Kadar kesuburan jumlah bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun pada 2015 ialah 2.0 anak berbanding 2.1 anak pada 2014.

Kadar Guna Tenaga Wanita

Penglibatan wanita dalam pekerjaan adalah meningkat pada setiap tahun. Kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan telah menunjukkan peningkatan daripada 45.7% pada 2008 kepada 54.1% pada 2015. Sasaran kerajaan Malaysia untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh adalah 55%.

Perangkaan yang dinyatakan di atas memberikan indikasi permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan kanak-kanak akan terus meningkat berdasarkan jumlah kelahiran, kadar kesuburan dan statistik guna tenaga wanita. Golongan ibu yang bekerja perlu mengimbangi tanggungjawab bekerja dan menjaga anak-anak. Justeru, perkhidmatan yang ditawarkan oleh industri penjagaan kanak-kanak membantu golongan ibu bapa / waris / penjaga dalam mengimbangi tanggungjawab penjagaan anak-anak mereka.

Inisiatif kerajaan dalam melahirkan lebih ramai pekerja mahir dalam bidang ini dibuktikan dengan pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai syarat Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP) di sektor perkhidmatan awam berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2016: Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia. Rasionalisasi ini bertujuan untuk memperluaskan peluang pemegang kelayakan kemahiran untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dengan memasukkan kelayakan pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam skim perkhidmatan tertentu.

Penjaga Kanak-Kanak yang mempunyai pengalaman dan sumber-sumber yang mencukupi boleh menceburi bidang perniagaan dengan membuka pusat jagaan jenama sendiri atau secara francais.

Peluang pekerjaan lain yang berkaitan dengan bidang penjagaan:

- Pembantu Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCD)
- Pendidik Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCD)
- Penyelaras Pusat Aktiviti Kanak-Kanak
- Penyelia Pusat Aktiviti Kanak-Kanak
- Pembantu Penjagaan Orang Kelainan Upaya (OKU)
- Penyelaras Pusat Penjagaan Orang Kelainan Upaya (OKU)
- Pembantu Penjagaan Warga Emas
- Penyelaras Pusat Penjagaan Warga Emas
- Pengusaha Pusat Jagaan

9. Peluang Peningkatan Kemahiran

Persijilan Kemahiran Malaysia menawarkan persijilan sehingga Tahap 5. Mereka yang mempunyai SKM Tahap 3 boleh menyambung ke Tahap 4 dan Tahap 5 yang setara dengan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM). Sekiranya personel memiliki DLKM, mereka berpeluang untuk melanjutkan pengajian akademik diperingkat ijazah dan pasca ijazah di universiti-universiti yang mempunyai program berkaitan dengan penjagaan dan kemajuan kanak-kanak.

10. Organisasi Rujukan Bagi Sumber Maklumat Tambahan

Organisasi berikut boleh dirujuk sebagai sumber maklumat tambahan bagi membantu menerangkan kandungan dokumen.

- a. **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Jabatan Kebajikan Masyarakat**
Aras 6, 9-18, No 55,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya
Tel: 603-83231000
Fax: 603-83232045
- b. **Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**
Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 Putrajaya
Tel : 603-88880036/37/38/40
Fax : 603-88880025
- c. **Kementerian Kesihatan Malaysia**
Blok E1, E6 & E10 Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Tel : 603-8883 3888
Fax : 603-8883 4888
- d. **Institut Sosial Malaysia**
Lot PT-13856
KM 6 Lebuhraya Kuala Lumpur – Seremban
Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur
Tel: +603-79853333
Fax: +603-79853300
- e. **Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM)**
No. 53A-G, Block E, Zenith Corporate Park,
Jalan Ss 7/26, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya Selangor.
Tel: 603-7880 1367
Fax: 603-7880 2941
E-mail: ppbm_org@streamyx.com
Website: <http://ppbm.org.my/>

- f. Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM)**
25A, Jalan Kampung Pandan,
55100 Kuala Lumpur,
Tel: 03- 9285 0309
Fax: 03- 9283 2400

ORGANISASI ANTARABANGSA

- a. National Association of Child Care Professionals**
7608 Hwy 71 West Ste E
Austin, TX 78735
P.O.Box 90723
Austin, TX 78709
Tel: 512-301-5557
Fax: 512-301-5080
E-mail: admin@naccp.org
Website: www.naccp.org
- b. National Child Care Association**
1325 G Street NW, Suite 500
Washington, DC 20005
Tel: (866) 536-1945
E-mail: info@nccanet.org
- c. International Humanity Foundation**
4311 Pavlov Ave.
San Diego, CA, 92122
Phone: +1-858-597-0232
E-Mail: ihf@ihfonline.org
- d. World Forum Foundation**
17725 NE 65th Street, Unit B275
Redmond, WA 98052, USA
Toll-Free: (855) 254-7565
Main: (206) 673-2608
Fax: (425) 861-9386
Email: info@WorldForumFoundation.org

11. Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard

BIL	NAMA	JAWATAN & ORGANISASI
1.	Tn. Hj. Mohd Fazari bin Mohd Salleh	Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) Jabatan Kebajikan Masyarakat
2.	Pn. Umihani binti Awang	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat
3.	Pn. Asiah binti Wahid	Pengendali Pusat Jagaan Sinar Bistari
4.	Pn. Siti Rohani binti Abd Samad	Pengendali Pusat Jagaan Nur Prisma

12. Jawatankuasa Pembangunan Standard

PENJAGAAN DAN KEMAJUAN KANAK-KANAK


TAHAP 3

BIL	NAMA	JAWATAN & ORGANISASI
1.	Pn. Hjh. Mariani Binti Hj. Mohamed Saad	Penolong Pengarah Kanan / Master Trainer Bahagian Perancangan & Pembangunan Jabatan Kebajikan Masyarakat
2.	Pn. Rozbizah Binti Abd Aziz	Penolong Pengarah Kanan / Master Trainer Bahagian Perundangan & Penguatkuasaan Jabatan Kebajikan Masyarakat
3.	Cik Ida Suzita binti Sabu	Penolong Pengarah Bahagian Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat
4.	En. Ishak Bin Muhamad	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan & Pembangunan Jabatan Kebajikan Masyarakat
5.	Dr. Hj. Mohamed Ayob Bin Sukani	Pensyarah Bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak Institut Pendidikan Guru (IPG)
6.	Pn. Norfazilah Binti KM Ameer Sultan	Pengusaha Pusat Jagaan, TADIKA dan TASKA ABC Adik Bijak Ceria
7.	Pn. Norsheila Binti Abdullah A.M.N	Presiden Kehormat Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM)
8.	Pn. Rahimah Binti Ithnin	Pengurus / Master Trainer Pusat Jagaan Kanak-Kanak dan TASKA Penyayang Bakti
9.	Pn. Siti Mariam Binti Sageh	Perunding Latihan Institut Sosial Malaysia
10.	Pn. Suhaili Binti Othman	Pengerusi Kehormat Persatuan Tadika Swasta Negeri Melaka Pengusaha Pusat Jagaan Kanak-Kanak dan TASKA
11.	Pn. Noorain Binti Wahid	Pengurus Pusat Jagaan Sinar Bistari Ceria Seri Kembangan, Selangor
FASILITATOR		
1.	Y.M Engku Mohd Azmi Bin Dato' Engku Hatim	Fasilitator Precious Galaxy Sdn Bhd

KANDUNGAN STANDARD
STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (SKPK) UNTUK:
PENJAGAAN DAN KEMAJUAN KANAK-KANAK
TAHAP 3

13. Carta Profil Kompetensi (CPC)

SEKSYEN	(Q) AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN DAN KERJA SOSIAL		
KUMPULAN	(8710) KEMUDAHAN RUMAH PENJAGAAN		
BIDANG	PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK		
TAJUK NOSS	PENJAGAAN DAN KEMAJUAN KANAK-KANAK		
TAHAP NOSS	3	KOD NOSS	Q879-001-3:2018



14. Profil Kompetensi (CP)

SEKSYEN	(Q) AKTIVITI KESIHATAN KEMANUSIAAN DAN KERJA SOSIAL		
KUMPULAN	(8710) KEMUDAHAN RUMAH PENJAGAAN		
BIDANG	PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK		
TAJUK NOSS	PENJAGAAN DAN KEMAJUAN KANAK-KANAK		
TAHAP NOSS	3	KOD NOSS	Q879-001-3:2018
TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
1. Pendidikan Dan Kemajuan Kanak-Kanak Q879-001-3:2018-C01	<p>Pendidikan Dan Kemajuan Kanak-Kanak adalah kemahiran dalam melaksanakan aktiviti pendidikan bagi memastikan penjagaan dan kemajuan kanak-kanak adalah seimbang dan memenuhi keperluan Kurikulum PERMATA Negara.</p> <p>Personel yang terampil dalam unit kompetensi ini seharusnya boleh melaksanakan aktiviti kemajuan personaliti, sosio-emosi dan kerohanian, melaksanakan aktiviti kemajuan fizikal dan psikomotor, melaksanakan aktiviti kemajuan awal kemahiran matematik dan pemikiran logik, melaksanakan aktiviti kemajuan deria dan pemahaman dunia persekitaran, melaksanakan aktiviti kemajuan bahasa, komunikasi dan literasi,</p>	1. Laksanakan aktiviti kemajuan sahsiah / personaliti, sosio-emosi dan kerohanian	1.1 Kategori umur dan kebolehan sedia ada kanak-kanak dikenalpasti bagi menentukan kesesuaian aktiviti kemajuan personaliti, sosio-emosi dan kerohanian 1.2 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan kebolehan kanak-kanak 1.3 Alat Bantu Mengajar (ABM) disediakan berdasarkan RPA 1.4 Aktiviti kemajuan personaliti, sosio-emosi dan kerohanian dijalankan mengikut jadual 1.5 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan hasil kerja 1.6 Laporan kemajuan dan refleksi kanak-kanak disediakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan
		2. Laksanakan aktiviti kemajuan fizikal dan psikomotor	2.1 Kategori umur dan kebolehan sedia ada kanak-kanak dikenalpasti bagi menentukan kesesuaian aktiviti kemajuan fizikal dan psikomotor 2.2 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA)

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
	<p>melaksanakan aktiviti kemajuan kreatif dan estetika, melaksanakan aktiviti kemajuan pemakanan seimbang, melaksanakan aktiviti kemajuan kanak-kanak berkeperluan khas dan melaksanakan aktiviti selepas sekolah.</p> <p>Hasil unit kompetensi ini adalah keupayaan untuk memastikan penjagaan dan kemajuan kanak-kanak dicapai melalui aktiviti-aktiviti pendidikan berdasarkan Kurikulum PERMATA Negara.</p>	<p>3. Laksanakan aktiviti kemajuan awal kemahiran matematik dan pemikiran logik</p>	<p>disediakan berpandukan kategori umur dan kebolehan kanak-kanak</p> <p>2.3 Alat Bantu Mengajar (ABM) disediakan berdasarkan RPA</p> <p>2.4 Aktiviti kemajuan fizikal dan psikomotor dijalankan mengikut jadual</p> <p>2.5 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan hasil kerja</p> <p>2.6 Laporan kemajuan dan refleksi kanak-kanak disediakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan</p> <p>3.1 Kategori umur dan kebolehan sedia ada kanak-kanak dikenalpasti bagi menentukan kesesuaian aktiviti kemajuan awal kemahiran matematik dan pemikiran logik</p> <p>3.2 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan kebolehan kanak-kanak</p> <p>3.3 Alat Bantu Mengajar (ABM) disediakan berdasarkan RPA</p> <p>3.4 Aktiviti kemajuan awal kemahiran matematik dan pemikiran logik dijalankan mengikut jadual</p> <p>3.5 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan hasil kerja</p> <p>3.6 Laporan kemajuan dan refleksi kanak-kanak disediakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan</p>

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
		4. Laksanakan aktiviti kemajuan deria dan pemahaman dunia persekitaran	4.1 Kategori umur dan kebolehan sedia ada kanak-kanak dikenalpasti bagi menentukan kesesuaian aktiviti kemajuan deria dan pemahaman dunia persekitaran 4.2 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan kebolehan kanak-kanak 4.3 Alat Bantu Mengajar (ABM) disediakan berdasarkan RPA 4.4 Aktiviti kemajuan deria dan pemahaman dunia persekitaran dijalankan mengikut jadual 4.5 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan hasil kerja 4.6 Laporan kemajuan dan refleksi kanak-kanak disediakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan
		5. Laksanakan aktiviti kemajuan bahasa, komunikasi dan literasi	5.1 Kategori umur dan kebolehan sedia ada kanak-kanak dikenalpasti bagi menentukan kesesuaian aktiviti kemajuan bahasa, komunikasi dan literasi 5.2 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan kebolehan kanak-kanak 5.3 Alat Bantu Mengajar (ABM) disediakan berdasarkan RPA 5.4 Aktiviti kemajuan bahasa, komunikasi dan literasi dijalankan mengikut jadual 5.5 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan hasil

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
			<p>kerja</p> <p>5.6 Laporan kemajuan dan refleksi kanak-kanak disediakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan</p>
		6. Laksanakan aktiviti kemajuan kreatif dan estetika	<p>6.1 Kategori umur dan kebolehan sedia ada kanak-kanak dikenalpasti bagi menentukan kesesuaian aktiviti kemajuan kreatif dan estetika</p> <p>6.2 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan kebolehan kanak-kanak</p> <p>6.3 Alat Bantu Mengajar (ABM) disediakan berdasarkan RPA</p> <p>6.4 Aktiviti kemajuan kreatif dan estetika dijalankan mengikut jadual</p> <p>6.5 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan hasil kerja</p> <p>6.6 Laporan kemajuan dan refleksi kanak-kanak disediakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan</p>
		7. Laksanakan aktiviti kemajuan pemakanan seimbang	<p>7.1 Kategori umur dan kebolehan sedia ada kanak-kanak dikenalpasti bagi menentukan kesesuaian aktiviti kemajuan pemakanan seimbang</p> <p>7.2 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan kebolehan kanak-kanak</p> <p>7.3 Alat Bantu Mengajar (ABM) disediakan berdasarkan RPA</p> <p>7.4 Aktiviti kemajuan pemakanan seimbang</p>

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
			<p>dijalankan mengikut jadual</p> <p>7.5 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan hasil kerja</p> <p>7.6 Laporan kemajuan dan refleksi kanak-kanak disediakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan</p>
		<p>8. Laksanakan aktiviti kemajuan kanak-kanak berkeperluan khas</p>	<p>8.1 Kategori umur dan kebolehan sedia ada kanak-kanak dikenalpasti bagi menentukan kesesuaian aktiviti kemajuan kanak-kanak berkeperluan khas</p> <p>8.2 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan kebolehan kanak-kanak</p> <p>8.3 Alat Bantu Mengajar (ABM) disediakan berdasarkan RPA</p> <p>8.4 Aktiviti kemajuan kanak-kanak berkeperluan khas dijalankan mengikut jadual</p> <p>8.5 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan hasil kerja</p> <p>8.6 Laporan kemajuan dan refleksi kanak-kanak disediakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan</p>
		<p>9. Laksanakan aktiviti selepas sekolah</p>	<p>9.1 Kategori umur dan kebolehan sedia ada kanak-kanak dikenalpasti bagi menentukan kesesuaian aktiviti selepas sekolah</p> <p>9.2 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur</p>

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
			<p>dan kebolehan kanak-kanak</p> <p>9.3 Alat Bantu Mengajar (ABM) disediakan berdasarkan RPA</p> <p>9.4 Aktiviti selepas sekolah dijalankan mengikut jadual</p> <p>9.5 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan hasil kerja</p> <p>9.6 Laporan kemajuan dan refleksi kanak-kanak disediakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan</p>
		10. Laksanakan aktiviti rekreasi dan riadah	<p>10.1 Kategori umur dan kebolehan sedia ada kanak-kanak dikenalpasti bagi menentukan kesesuaian aktiviti rekreasi dan riadah</p> <p>10.2 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan kebolehan kanak-kanak</p> <p>10.3 Peralatan & bahan rekreasi dan riadah disediakan berdasarkan RPA</p> <p>10.4 Aktiviti rekreasi dan riadah dijalankan mengikut jadual</p> <p>10.5 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan hasil kerja</p> <p>10.6 Laporan kemajuan dan refleksi kanak-kanak disediakan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan</p>

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
<p>2. Penerapan Nilai Sosial Dan Tingkah Laku Kanak-Kanak</p> <p>Q879-001-3:2018-C02</p>	<p>Penerapan Nilai Sosial Dan Tingkah Laku Kanak-Kanak adalah kemahiran dalam melaksanakan aktiviti yang mempunyai nilai positif kepada penjagaan dan kemajuan sahsiah kanak-kanak yang memenuhi keperluan Kurikulum PERMATA Negara.</p> <p>Personel yang terampil dalam unit kompetensi ini seharusnya boleh melaksanakan aktiviti penerapan nilai murni, melaksanakan aktiviti penerapan nilai sosial, melaksanakan aktiviti kemahiran urus diri, melaksanakan aktiviti penerapan patriotisme dan melaksanakan aktiviti penerapan keagamaan dan moral.</p> <p>Hasil unit kompetensi ini adalah keupayaan untuk memastikan penjagaan dan kemajuan sahsiah kanak-kanak dicapai melalui aktiviti-aktiviti yang mempunyai nilai murni, nilai sosial, pengurusan diri, semangat cintakan negara dan kerohanian</p>	<p>1. Laksanakan aktiviti penerapan nilai murni</p> <p>2. Laksanakan aktiviti penerapan nilai sosial</p>	<p>1.1 Kategori umur kanak-kanak dikenal pasti bagi menentukan jenis aktiviti penerapan nilai murni</p> <p>1.2 Tingkah laku kanak-kanak dikenalpasti bagi menentukan kaedah modifikasi tingkah laku</p> <p>1.3 Jenis aktiviti penerapan nilai murni dikenalpasti berdasarkan kategori umur dan mengikut keperluan kanak-kanak</p> <p>1.4 Kaedah pelaksanaan aktiviti dikenal pasti mengikut jenis aktiviti</p> <p>1.5 Aktiviti penerapan nilai murni dijalankan mengikut jadual</p> <p>1.6 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui pemerhatian dan maklumbalas kanak-kanak</p> <p>1.7 Laporan aktiviti penerapan nilai murni disediakan mengikut format yang ditetapkan (refleksi dan cadangan)</p> <p>2.1 Kategori umur kanak-kanak dikenal pasti bagi menentukan jenis aktiviti penerapan nilai sosial</p> <p>2.2 Jenis aktiviti penerapan nilai sosial dikenalpasti berdasarkan kategori umur dan mengikut keperluan kanak-kanak</p> <p>2.3 Kaedah pelaksanaan aktiviti dikenal pasti mengikut jenis aktiviti</p> <p>2.4 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan jenis aktiviti</p>

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
	berdasarkan Kurikulum PERMATA Negara.		<p>2.5 Pelaksanaan aktiviti penerapan nilai sosial disediakan berdasarkan RPA</p> <p>2.6 Aktiviti penerapan nilai sosial dijalankan mengikut jadual</p> <p>2.7 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui pemerhatian dan maklumbalas kanak-kanak</p> <p>2.8 Laporan aktiviti penerapan nilai sosial disediakan mengikut format yang ditetapkan</p>
		3. Laksanakan aktiviti kemahiran urus diri	<p>3.1 Kategori umur kanak-kanak dikenal pasti bagi menentukan jenis aktiviti kemahiran urus diri</p> <p>3.2 Jenis aktiviti kemahiran urus diri dikenalpasti berdasarkan kategori umur dan mengikut keperluan kanak-kanak</p> <p>3.3 Kaedah pelaksanaan aktiviti dikenal pasti mengikut jenis aktiviti</p> <p>3.4 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan jenis aktiviti</p> <p>3.5 Pelaksanaan aktiviti kemahiran urus diri disediakan berdasarkan RPA</p> <p>3.6 Aktiviti kemahiran urus diri dijalankan mengikut jadual</p> <p>3.7 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui pemerhatian dan maklumbalas kanak-kanak</p> <p>3.8 Laporan aktiviti kemahiran urus diri disediakan mengikut format yang ditetapkan</p>

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
		4. Laksanakan aktiviti penerapan patriotisme	4.1 Kategori umur kanak-kanak dikenal pasti bagi menentukan jenis aktiviti penerapan patriotisme` 4.2 Jenis aktiviti penerapan patriotisme dikenalpasti berdasarkan kategori umur dan mengikut keperluan kanak-kanak 4.3 Kaedah pelaksanaan aktiviti dikenal pasti mengikut jenis aktiviti 4.4 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan jenis aktiviti 4.5 Pelaksanaan aktiviti penerapan patriotisme disediakan berdasarkan RPA 4.6 Aktiviti penerapan patriotisme dijalankan mengikut jadual 4.7 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui pemerhatian dan maklumbalas kanak-kanak 4.8 Laporan aktiviti penerapan patriotisme disediakan mengikut format yang ditetapkan
		5. Laksanakan aktiviti penerapan keagamaan dan moral	5.1 Agama, bangsa dan kategori umur kanak-kanak dikenal pasti bagi menentukan jenis aktiviti penerapan keagamaan dan moral ` 5.2 Jenis aktiviti penerapan keagamaan dan moral dikenalpasti berdasarkan agama, bangsa dan kategori umur kanak-kanak 5.3 Kaedah pelaksanaan aktiviti dikenal pasti mengikut jenis aktiviti

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
			<p>5.4 Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA) disediakan berpandukan kategori umur dan jenis aktiviti</p> <p>5.5 Pelaksanaan aktiviti penerapan patriotisme disediakan berdasarkan RPA</p> <p>5.6 Aktiviti penerapan keagamaan dan moral dijalankan mengikut jadual</p> <p>5.7 Penilaian keberkesanan aktiviti dijalankan melalui pemerhatian dan maklumbalas kanak-kanak</p> <p>5.8 Laporan aktiviti penerapan keagamaan dan moral disediakan mengikut format yang ditetapkan</p>

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
3. Sokongan Pengoperasian Pusat Jagaan Kanak-Kanak Q879-001-3:2018-C03	Sokongan Pengoperasian Pusat Jagaan Kanak-Kanak adalah kemahiran dalam penyediaan keperluan pembelajaran dan keselamatan, pengendalian hal-ehwal kanak-kanak dan penyelarasan aktiviti penglibatan ibu bapa / waris / penjaga selaras dengan keperluan Akta Pusat Jagaan 1993.	1. Sediakan ruang pembelajaran dan kemajuan kanak-kanak	1.1 Jenis dan tujuan ruang pembelajaran dikenal pasti berdasarkan keperluan kemajuan intelektual dan fizikal 1.2 Ketersediaan dan kesesuaian ruang untuk pembelajaran ditentukan 1.3 Ruang pembelajaran dihias mengikut konsep hiasan dan objektif pembelajaran 1.4 Laporan penyediaan ruang pembelajaran disediakan mengikut format yang ditetapkan
	Personel yang terampil dalam unit kompetensi ini seharusnya boleh menyediakan ruang pembelajaran dan kemajuan kanak-kanak, menyediakan bahan pembelajaran, mengendalikan kanak-kanak transit, mengendalikan kanak-kanak terabai dan mangsa penderaan, mengendalikan keperluan kesihatan, keselamatan dan persekitaran pusat jagaan kanak-kanak, menyelaraskan aktiviti penglibatan ibu bapa dan masyarakat dan menyelaraskan ujian personaliti.	2. Sediakan bahan pembelajaran	2.1 Jenis dan tujuan bahan pembelajaran dikenal pasti berdasarkan keperluan kemajuan intelektual dan fizikal kanak-kanak 2.2 Bajet, bahan kerja dan keperluan lain pembangunan bahan pembelajaran dikenal pasti 2.3 Bahan pembelajaran dibangunkan mengikut jenis, tujuan dan keperluan serta bajet yang diluluskan 2.4 Keberkesanan bahan pengajaran ditentukan berdasarkan pemerhatian dan maklum balas kanak-kanak 2.5 Laporan pembangunan bahan pembelajaran disediakan mengikut format yang ditetapkan
	Hasil unit kompetensi ini adalah keupayaan untuk memastikan	3. Kendali kanak-kanak transit	3.1 Tempat, peralatan dan bahan kerja disediakan mengikut keperluan 3.2 Ketibaan kanak-kanak transit disambut mengikut prosedur penerimaan pusat jagaan harian

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
	keperluan asas, keselamatan dan kebajikan kanak-kanak di pusat jagaan memenuhi keperluan Akta Pusat Jagaan 1993.	<p data-bbox="972 1219 1308 1328">4. Kendali kanak-kanak terabai dan mangsa penderaan</p>	<p data-bbox="1329 269 1929 1179">3.3 Maklum balas ibu-bapa / penjaga / waris diterima dan direkodkan mengikut prosedur pengendalian kanak-kanak transit (jika ada)</p> <p data-bbox="1329 415 1881 524">3.4 Aktiviti penyediaan pemakanan kanak-kanak transit diselaraskan mengikut kategori umur</p> <p data-bbox="1329 524 1923 594">3.5 Aktiviti dandanan diri kanak-kanak transit diselaraskan mengikut kategori umur</p> <p data-bbox="1329 594 1871 703">3.6 Aktiviti rehat dan tidur kanak-kanak transit diselaraskan mengikut kategori umur</p> <p data-bbox="1329 703 1923 854">3.7 Aktiviti sokongan pendidikan dan kemajuan kanak-kanak transit dilakukan mengikut Rancangan Pelaksanaan Aktiviti (RPA)</p> <p data-bbox="1329 854 1881 924">3.8 Buku log aktiviti dan kemajuan harian / borang kanak-kanak dilengkapkan</p> <p data-bbox="1329 924 1923 1032">3.9 Aktiviti dan kemajuan harian kanak-kanak dilaporkan mengikut format yang ditetapkan</p> <p data-bbox="1329 1032 1902 1179">3.10 Kanak-kanak transit dan barangan diserahkan kepada ibu bapa / penjaga / waris mengikut prosedur penyerahan kanak-kanak transit</p> <p data-bbox="1329 1219 1902 1289">4.1 Kategori umur dan permasalahan kanak-kanak dikenal pasti</p> <p data-bbox="1329 1289 1850 1399">4.2 Tingkah laku abnormal dan kesan penderaan dikenal pasti berdasarkan pemerhatian dan pemeriksaan fizikal</p>

TAJUK CU & KOD CU	DESKRIPSI CU	AKTIVITI KERJA	KRITERIA PRESTASI
			<p>4.3 Kes kanak-kanak terabai dan mangsa penderaan dilaporkan ke Pegawai Pelindung (JKM)</p> <p>4.4 Rekod peribadi kanak-kanak dan buku log harian dikemaskini</p>
